

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 15 BILANGAN 42 RABU 21 OKTOBER 1970 1390 رابو 20 شعبان PERCHUMA

BRUNEI BUKAN TANAH JAJAHAN BRITISH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei tidak sa-kali2 menjadi tanah jajahan British, bahkan Brunei dan British ada-lah bersahabat.

Dan dengan kesukaan Brunei sendiri, Kerajaan British telah menaongi Brunei, tetapi tidak sa-kali2 menjadi tanah jajahan-nya walau dari mula-nya pun.

Pada masa ini Brunei telah mencapai taraf kerajaan sendiri yang lumaian yang hanya berlindung kepada Kerajaan British mengenai pertahanan luar dan dalam negeri Brunei serta hal-ehwal luar negeri.

Demikian telah di-tegaskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dalam satu ulasan terhadap kenyataan yang di-buat oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Rahman yang menyebut bahawa sa-bagai sa-buah tanah jajahan, maka Brunei tidak boleh membuat tuntutan terhadap Limbang.

Ulasan Duli Yang Teramat Mulia itu telah di-siarkan melalui Radio Brunei pada malam hari Isnin dan telah di-ulang pada siaran pagi dan tengah hari semalam.

Ulasan itu telah di-bachakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan menisfatkan kenyataan Tengku Abdul Rahman itu sa-bagai "sangat2 palsu dan hanya beralaskan tipu muslihat untuk mengketepikan tuntutan Brunei ka-atas Limbang yang berasaskan menurut hukum2 ugama itu."

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan mengingatkan Tengku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Malaysia itu supaya mengetahui keadaan negeri-nya Kedah yang menurut legal status bahawa negeri Kedah ada-lah menjadi tanah jajahan Siam.

Kerajaan Siam telah menyerahkan Kedah kepada British dan dengan yang demikian Kedah telah menjadi sa-buah tanah jajahan British, tetapi taraf-nya telah di-tinggikan oleh British kepada negeri, naongan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan mengu-langi bahawa tuntutan Brunei ka-atas Limbang yang berasaskan ugama ada-lah ternyata di-dalam jawapan surat Tengku Abdul Rahman, yang bertarikh 22 April, 1965 kepada Sultan Brunei yang menyebut bahawa soal mengenai tuntutan Brunei ka-atas Limbang



D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan

itu akan di-hadapan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Per-tuan Agong.

Untuk memboktikan-nya, maka Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan bersedia untok mempamerkan surat jawapan tersebut bila2 masa di-fikirkan mustahak.

Ulasan sa-penoh-nya yang di-bachakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid ada-lah di-siarkan seperti berikut:

"Mengenai dengan ulasan yang di-buat oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Rahman yang tersiar di-surat2 khabar yang menyatakan bahawa Brunei tidak boleh membuat tuntutan terhadap (Limbang) kerana negeri Brunei ada-lah sa-buah tanah Jajahan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan menegaskan bahawa Brunei tidak sa-kali2 menjadi tanah Jajahan dari mula-nya pun Brunei ada-lah bersahabat dengan British dan dengan kesukaan Brunei sendiri. Kerajaan British telah menaongi Brunei dan pada masa ini Brunei telah mencapai taraf Kerajaan sendiri yang lumaian, yang hanya berlindung kepada Kerajaan British mengenai pertahanan luar dan dalam negeri Brunei serta hal ehwal luar negeri.

Kenyataan yang di-buat oleh Tengku Abdul Rahman itu ada-lah sangat2 palsu dan hanya beralaskan tipu muslihat untuk mengketepikan tuntutan Brunei ka-atas Limbang yang berasaskan menurut hukum2 ugama itu.

(Lihat Muka 8)

Sempadan Brunei dan Limbang:

TENGKU DI-CHABAR MEMBOKTIKAN-NYA

YANG Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid telah menchabar bekas, Perdana Menteri Malaysia Tengku Abdul Rahman, supaya beliau memboktikan mengenai dengan sempadan yang di-katakan-nya telah di-buat antara Brunei dan Limbang.

Tengku dalam sa-buah kenyataan akhbar telah berkata, bahawa sempadan itu telah di-buat oleh Pesuruhjaya Tinggi British dan Governor Sarawak.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara berkata, bahawa segala perundingan ada-lah di-lakukan oleh pihak Kerajaan Brunei tetapi soal sempadan tidak pernah di-rundingkan jauh sekali di-persetujui oleh Negeri Brunei.

Kata-nya, tidak-lah menasabah sesuatu hak yang di-punyai oleh sa-seorang itu diputuskan oleh orang lain tanpa pengetahuan orang yang ampunya. Jika ini-lah yang di-maksudkan oleh Tengku itu, maka nyata-lah Limbang hak Brunei tetapi telah di-rampas, dan yang mana sesuatu yang di-rampas itu wajib di-kembalikan.

Kata-nya, Limbang tidak sah menjadi kepunyaan Malaysia, sama ada dengan pemberian atau penyerahan-nya oleh Rajah Sarawak dan kerajaan British.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara berkata, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan telah bersabda, bahawa Limbang bukan hak Sarawak tetapi hak Brunei.

Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara juga telah melahirkan rasa kesal terhadap penafian Tengku yang beliau (Tengku) tidak pernah menerima tuntutan Brunei ka-atas Limbang semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

Kata-nya, Tengku sendiri telah mengetahui akan tuntutan itu dalam sepuchok surat yang di-tanda tangani oleh-nya sendiri dalam bulan April tahun 1965.

M.B. akan letakkan batu asas tugu chenderamata

KUALA BELAIT. — Penduduk2 di-daerah Belait akan membena sa-buah tugu chenderamata kenangan bagi memperingati jasa2 Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan.

Tugu yang berupa panchutan ayer itu akan di-bena di-kawasan tanah lapang di-antara Panggong Marina dengan Pejabat Pos di-Seria.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, akan meletakkan batu asas bagi tugu chenderamata pada hari Juma'at, 23 Oktober.

Bersempena dengan upacara perletakkan batu asas itu, Majlis Belia2 Negeri akan mempersembahkan sa-buah lakunan Tatoo Derama sejarah mengenai Negeri Brunei, yang bertajok Seri Begawan Yang Pertama.

Pertunjukkan itu akan di-adakan di-padang KBRC, Kuala Belait pada 23 Oktober mulai pukul 8.00 malam.

BOLEH di-katakan pembangunan sa-suatu negara dalam bidang perekonomian dan lain2 tidak-lah dapat dilaksanakan dengan realistik tanpa mempergunakan butir2 demografi negara bersangkutan. Oleh yang demikian sangat-lah bijaksana apabila Kerajaan Brunei tidak lama dahulu mengusahakan pengumpulan butir2 demografi di-negeri ini.

Akan tetapi, mungkin ada di-antara para pendengar yang ingin hendak mengetahui sa-chara agak lebih mendalam tentang faedah demografi ini. Faedah demografi ada-lah lebih luas dan boleh di-katakan meliputi segala bidang kehidupan. Kalau dulu, apa yang di-sebut masa'alah penduduk, hanya-lah di-tujukan kepada penghitungan penduduk, maka di-dalam abad ke-19 masa'alah ini sudah di-tujukan pula kepada komposisi dan dinamik penduduk. Dan dalam abad ke-20 ini boleh di-katakan tidak ada suatu ranchangan pembangunan dalam segala bidang yang tidak mempergunakan butir2 demografi sa-bagai dasar-nya.

Kalau umpama-nya kita ambil sa-bagai contoh lapangan pendidikan, maka nyata-lah bahawa demografi dapat mendedahkan kuantiti dan kualiti anak2, yang di-perinchi pula menurut umur, jantina dan tempat tinggal. Butir2 ini ada-lah perlu, apa lagi kalau negeri bersangkutan hendak menyusun ranchangan wajib-belajar. Para pegawai kesihatan yang hendak menyusun ranchangan mereka ada-lah juga memerlukan keterangan yang bersifat demografik, mital-nya tentang tingkat kematian (mortality), keadaan penyakit (morbidity) dan di-perinchi khusus menurut umur, jantina dan butir2 jeografi. Demikian juga penting di-ketahui bagaimana saling bergantung-nya antara butir2 demografi dengan variabel2 ekonomi, sosial dan kebudayaan.

Sa-terus-nya dalam bidang perindustrian dan pemasaran ada-lah juga memerlukan butir2 demografi. Dalam hal ini boleh-lah di-kemukakan bahawa pengeluaran dan penggunaan ada-lah di-pengaruhi oleh jumlah, komposisi, umur dan jantina penduduk umumnya dan golongan pekerja khusus-nya. Di-samping itu modal untuk penanaman biasanya berasal dari tabungan. Piramida penduduk yang luas dasar-nya dapat-lah di-anggap akan lebih chenderong untuk mendorong konsumsi ka-atas dan menekan tabungan ka-bawah sa-hingga dengan demikian dapat pula di-katakan bahawa faktor2 demografi turut mempengaruhi usaha pembentokan modal yang di-perlukan untuk penanaman.

DEMOGRAFI DAN FAEDAH-NYA

(Di-sesuaikan dari artikal 'Demografi dan Faedah-nya', karangan Awang Muaruddin yang terbit dalam majalah BERIGA Bil. 2, 1969 oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.)

Juga "city-planning" adalah memerlukan kajian mengenai keadaan, dinamik dan mobiliti penduduk kota menurut keadaan sekarang dan juga menurut perkiraan perkembangan-nya. Untuk tujuan2 ini sangat-lah diperlukan perangkaan rumah-tangga, edaran hidup keluarga dan pembahagian kerja yang semua-nya ada-lah masuk dalam lapangan demografi. Tidak kurang penting-nya juga ia-lah faedah demografi untuk perusahaan insuran dan dana2 sosial. Untuk kedua lembaga ini sangat-lah mustahak mempunyai butir2 yang chermat serta tepat mengenai dengan keadaan pembahagian penduduk menurut umur dan jantina, komposisi keluarga, tanggungan kepala keluarga, chachat jasmani dan rohani, umur nikah, kadar percheraian, sebab2 kematian dan keadaan kesihatan dan jenis penyakit menurut umur dan jantina, dan pengetahuan serta penyusunan berbagai jenis jadual kematian dan jadual hidup.

Demikian juga dalam lapangan ranchangan pertahanan negara, khusus-nya dalam ranchangan kerahan tenaga, butir2 demografi yang tepat dan chermat sangat-lah mustahak. Juga, dasar imigreshen satu2 negara tidak dapat dijalankan dengan sempurna tanpa perinchan2 demografi negara bersangkutan. Malah, dapat di-katakan, masa'alah kaum di-negara2 yang berbilang kaum sekarang ini adalah sedikit sa-banyak resiko tidak memperhitungkan butir2 demografi tertentu pada waktu-nya.

Apa-kah sa-benar-nya yang di-pelajari oleh ilmu pengetahuan demografi? Terlebeh dahulu mari kita ertikan istilah "demografi" dari sudut bahasa. "Demografi" ia-lah

kata-majemuk dari bahasa Yunani yang terdiri dari kata "demos" yang bererti "penduduk", dan kata-kerja "grafein" yang bererti "menulis". Oleh yang demikian erti asal kata "demografi" itu ia-lah "tulisan2 atau pun keterangan2 raayat atau penduduk sa-suatu negara".

Walaupun kata "demografi" ini dapat di-beri erti-nya, tetapi ternyata bahawa dari sudut ilmu pengetahuan tidak atau belum ada suatu konsep yang tepat mengenai batas2 lapangan demografi ini dan begitu juga tentang pengertian-nya, kerana kedua2 unsur tersebut ada-lah berbedza menurut waktu dan tempat. Ada banyak definisi yang di-kemukakan tetapi daripada definisi2 tersebut dapat-lah disimpulkan bahawa objek dan tujuan ilmu demografi itu ia-lah untuk mempelajari persoalan keadaan dan perubahan2 penduduk atau dengan kata lain, segala hal ehwal yang berhubungan dengan komponen2 perubahan tersebut, mital-nya, kelahiran, perkahwinan, kematian dan migrasi sa-hingga menghasilkan sa-suatu keadaan dan komposisi penduduk menurut umur dan jantina.

Dari kesimpulan tadi agak kentara yang demografi itu sa-olah2 hanya bertugas samata2 untuk mengumpulkan butir2 perangkaan penduduk; sa-olah2 demografi sama erti-nya dengan penyusunan perangkaan penduduk. Memang perangkaan penduduk sa-bagai "close-up" ada-lah penting untuk mengetahui fakta2 berbagai sifat khusus penduduk akan tetapi fakta2 itu sendiri belum merupakan ilmu pengetahuan demografi. Fakta2 itu baru merupakan ilmu pengetahuan sa-telah di-ketahui hubungan antara satu dengan lain. Atau fakta2 dengan

kata lain itu sahaja hanya-lah merupakan perangkaan demografi dan hanya sa-telah hubungan antara fakta2 itu di-analisa — dan membandingkan dengan perangkaan2 berkenaan dari sa'at2 yang berlainan — kita dapat sebut sa-bagai demografi dinamik.

Bagagian demografi dinamik ini ada-lah penting kerana ia-nya dapat mendedahkan akibat2 dari komposisi dan keadaan penduduk terhadap lapangan2 kehidupan yang lain atau hubungan-nya dengan variabel2 sosial, ekonomi, kebudayaan, saikoloji, jeografi dan politik.

Dari apa yang telah diterangkan itu dapat-lah diambil kesimpulan bahawa mempelajari demografi tidak-lah terlepas daripada mempelajari variabel2 non-demografik, seperti faktor2 ekonomi, sosioloji, jeografi, saikoloji, politik dan sa-bagai-nya. Dengan kata lain, demografi tidak hanya mempelajari penentuan2 perubahan penduduk, tetapi juga hubungan2 antara perubahan penduduk dengan variabel2 non-demografik.

1,169 orang chalun masok pereksa S.C., M.C.E., G.C.E.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 1,169 orang chalun, akan mengambil pepereksaan2, bersama Sijil Senior Cambridge, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Pelajaran Am, mulai hari ini, 21 Oktober.

Daripada jumlah itu, 384 orang, ada-lah chalun persendirian, dari Bandar Seri Begawan dan Seria.

Pepereksaan2 itu, akan di-adakan, di-tujuh buah pusat — empat di-Bandar Seri Begawan, dan tiga di-Seria.

Sa-ramai 597 orang chalun, akan mengambil pepereksaan Sijil Senior Cambridge, dan Sijil Pelajaran Malaysia, sementara 572 orang akan mengambil pepereksaan Sijil Pelajaran Am, dalam aliran Melayu.

Sementara itu, sa-jumlah 123 orang chalun akan mengambil pepereksaan Sijil Persekolahan Tinggi yang akan bermula 4 November hadapan.

Empat puluh satu orang chalun ada-lah dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, 18 dari Sekolah Menengah Melayu Jalan Muara, dan yang lain-nya, ada-lah chalun persendirian dari Seria dan Bandar Seri Begawan.

Pepereksaan Bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN.—Bagagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran akan mengadakan pepereksaan bahasa Melayu bagi orang2 bukan Melayu dalam bulan Disember ini.

Ia-nya terbahagi kepada tiga bahagian permulaan satu, dua dan permulaan tiga.

Perkara2 bagi pepereksaan Tingkatan Permulaan Satu ia-lah bacaan dan renchana rumi, soal jawap, bahasa dan memahami karangan dan karangan surat kiriman.

Bagi Tingkatan Permulaan dua dan tiga ia-lah bacaan dan renchana rumi, bacaan

dan renchana jawi, karangan, surat kiriman, bahasa, memahami karangan dan soal jawap.

Pepereksaan itu akan di-adakan selama tiga hari mulai 14 Disember di-pusat2 pepereksaan di-Sekolah Melayu Pusuar Ulak, Bandar Seri Begawan, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Sekolah Melayu Mohammad Alam, Seria.

Borang2 pendaftaran yang boleh di-dapati dari guru2 kelas dewasa itu hendak-lah di-kembalikan kepada Jabatan Pelajaran tidak lewat dari 28 Oktober.

PADA minggu lalu, kita telah menerangkan sa-bahagian daripada hukum2 puasa, maka pada kali ini kita akan memperkatakan beberapa hukum2 yang lain mengenai-nya.

Puasa sa-seorang itu akan menjadi tidak sah atau batal jika berlaku atau di-lakukan perkara2 yang membatalkan puasa.

Adapun perkara2 yang boleh membatalkan puasa ia-lah:

Pertama — memasokkan sa-suatu ka-dalam rongga badan.

Adapun hal hukum memasokkan sa-suatu ka-dalam rongga badan itu ia-lah makan dan minum, kerana tujuan puasa ia-lah menahan diri dari makan dan minum, tetapi tegahan memasokkan sa-suatu benda ka-dalam rongga badan itu ada-lah meliputi rongga2 yang lain daripada mulut, seperti lobang hidung, lobang telinga dan samupama-nya. Adapun di-maksudkan dengan perkataan benda itu, maka tidak -lah termasuk rasa dan bau dan tidak-lah batal puasa sa-seorang dengan menchiu bau.

Kedua — jimak yang di-lakukan dengan senghaja dan dengan kemahuan serta tahukan hukum haram-nya.

Ketiga — senghaja muntah.

Ke-empat — keluar mani dengan senghaja, maka jika mani itu keluar dengan tidak senghaja, seperti mimpi, maka puasa tidak-lah batal.

Kelima — datang hid dan ni-

fas. Sa--bagaimana yang di-ke-tahui bahawa hid dan nifas adalah perkara yang mengharamkan sa-seorang itu berpuasa dan apabila hid atau nifas itu datang, maka batal-lah puasa sa-seorang itu.

Ke-enam — gila; dan.

Ke-tujuh — murtad.

Ada beberapa perkara yang patut di-perhatikan sa-masa menunaikan puasa supaya ibadat puasa itu dapat di-lakukan dengan baik-nya, di-antara-nya ia-lah perkara2 yang 'makroh'. Patut-lah di-jauhi perkara makroh (tidak baik atau burok di-lakukan sa-waktu kita berpuasa). Perkara2 makroh itu di-antara-nya ia-lah:

1. Berkata dengan perkataan dusta atau memaki chela.
2. Melambatkan berbuka apabila sudah masuk matahari.
3. Merasakan makanan de-

ngan lidah.

4. Memamah2 sa-suatu dalam mulut, melainkan jika ada anak-nya yang kecil yang tidak pandai memamah di-tulong-nya memamah untuk di-suapkan kepada anak-nya.
5. Bersugi gigi apabila gelinohir matahari (masuk waktu dzohor).
6. Bersangatan memasokkan ayer ka-dalam lobang hidung waktu berudhu.
7. Menguchap perempuan jika tidak membangkitkan shahwat.
8. Mandi berlebeh2an dalam haman (bilek mandi yang di-khaskan).
9. Memandang dengan rasa shahwat kepada perempuan yang halal ia bersuka2 dengan-nya.
10. Berbakam — orang yang

Hukum2 yang membatalkan puasa dan perkara2 makroh yang perlu di-jauhi

berbakam dan yang mengerjakan perbuatan bakam pula tidak dapat mengelak dari akan masuk sa-suatu ka-dalam rongga mulut-nya.

Dalam pada itu, ada beberapa perkara yang senang atau baik di-kerjakan oleh orang yang berpuasa. Perkara2 itu di-antara-nya ia-lah:

1. Makan sahur. Sa-bagaimana yang tersebut dalam hadith dari Anas Radhiallahu 'an di-riwayatkan oleh Bahari Muslim yang bermaksud: **'Hendak-lah kamu makan sahur, kerana pada sahur ada berkat-nya'.**
2. Mentakhirkan makan sahur hingga kira2 berbaki waktu di-antara makan dan sembahyang suboh.
3. Mensegerakan buka puasa apabila masuk matahari.
4. Meninggalkan perkataan2 yang keji dan bertengkaran.
5. Membanyakan membaca Al-Quran (tadarus) siang atau malam Ramadhan kerana Rasulullah s.a.w. pada tiap2 malam Ramadhan belajar Al-Quran daripada Jibril alaihis-salam serta membaiki lapadz dan tajwid-nya.
6. Memperbanyakkan sedekah dan bermurah hati.
7. Menjamu orang2 yang berpuasa pada waktu berbuka.
8. Mendirikan sembahyang tarawikh pada malam bulan Ramadhan.

Mudah2an dengan panduan hukum2 yang di-sebutkan, akan dapat-lah kita menunaikan puasa dengan baik-nya dan ibadat kita itu akan di-terima oleh Allah — Amin ya rabul alamin.



Pembinaan bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong telah siap (gambar atas).

Pembinaan bangunan yang di-anggarkan menelan belanja kira2 \$375,000.00 itu telah di-mulakan dalam bulan Mei 1968 apabila, Peguam Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Kanun Di-Raja Dato Utama Awang Idris Talog Davies meletakkan batu asas bagi bangunan tersebut.

Bangunan yang berbentuk moden itu di-bena berhampiran dengan Mesjid Hassanah Bolkiah dan ia-nya ada-lah bagi menggantikan pejabat Ugama yang ada sekarang ini bertempat di-bangunan pejabat2 kerajaan Daerah Tutong.

Harga tambang naik haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bakal2 haji di-Daerah Brunei-Muara dan Temburong yang akan menunaikan fardhu haji dengan kapal laut ada-lah di-minta supaya menyerahkan wang tambang mereka ka-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan pada 21 dan 22 Oktober ini.

Tambang pergi balek ka-Jeddah ada-lah seperti berikut:
Orang dewasa: Saloon—\$1,433.60; kebin \$1,161.60 dan kelas pelancong—\$954.20.

Kanak2 yang berumur di-antara 10 dan 12 tahun: saloon—\$742.60; kebin \$606.60 dan kelas pelancong—\$562.90 dan kanak2 yang berumur di-antara 5 dan 10 tahun: saloon—\$716.80; kebin—\$580.80 dan kelas pelancong—\$477.10.

Bakal2 haji itu juga di-minta membawa bersama2 surat beranak dan kad pengenalan apabila membayar wang tersebut.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21 Okt. 1970 hingga ka-hari Selasa 27 Okt. 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
21 Okt.		12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
22 Okt.		12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
23 Okt.		12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
24 Okt.		12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
25 Okt.		12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
26 Okt.		12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05
27 Okt.		12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48	6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

21hb. Oktober, 1970.

BRUNEI BUKAN HAMBA

DALAM keadaan Brunei yang berkehendakkan haknya di-kembalikan atau dengan tegasnya Brunei memuhonkan Limbang supaya di-kembalikan kepada-nya, maka timbul-lah berbagai2 pendapat yang menentang tuntutan Brunei itu sa-hingga bekas Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj turut melibatkan diri-nya dengan begitu tergamak mensifatkan Brunei sa-bagai hamba British.


Kenyataan2 dari Brunei pada mula-nya telah di-susun bagitu rapi, penuh dengan adat mengandong adap, malah boleh di-katakan segala kenyataan2 Brunei itu telah di-hidangkan dari atas "gangsa" yang lengkap dengan alas-nya. Tetapi malang-nya, perkara itu telah di-sambut dengan keadaan yang sebalik-nya sa-hingga kita tertanya2 apakah adat sopan yang telah di-warisi sejak turun temurun itu, khas-nya dari keturunan2 yang penuh beradat—lembaga itu sudah hilang dari bumi Tohan dewasa ini? Kata2 yang di-luahkan dengan tidak "berpirawis" itu boleh melambangkan keperibadian seseorang. Tetapi, kita boleh menjamin diri kita bahawa Brunei yang kukuh dengan adat mengandong adap-nya, akan terus mengamalkan kesopanan, tetapi jika kita sudah di-chelar dengan kata2 yang bagitu kesat, maka ia-nya telah memaksa untuk kita berbuat demikian juga.

Bahawa perkataan hamba itu sudah tidak wajar di-luahkan baik terhadap orang2 persa-orangan, apa lagi terhadap sa-buah negeri yang tidak patut di-katakan bagitu. Dalam kemajuan dunia sekarang ini yang meliputi kepada berbagai2 segi, maka ada-lah menjadi bahan gelak ketawa orang jika kita beria2 untuk berpaling kepada keadaan beribu2 tahun yang lalu di-mana dunia per-hababan itu berleluasa. Apa lagi bila sebutan hamba itu di-luahkan oleh orang, yang pada sa-belum-nya, melaung2kan hak asasi manusia dan hak asasi sa-sabuah negara.

Satu hal lagi yang harus di-ingat bahawa perbuatan merendah2kan mertabat orang, berarti memberi peluang kepada orang yang di-rendahkan itu, merendah2kan balek mertabat orang yang pertama tadi.

Keadaan yang demikian sudah tidak ada tempat lagi sekarang ini dan ia-nya sudah patut lenyap di-telan oleh arus kemajuan zaman yang berkehendakkan ketegasan2, tetapi tidak berbelit2. Lebih tegas lagi di-katakan bahawa jika orang memuhon dengan hormat, maka harus-lah pula di-sambut dengan hormat apa lagi atas tuntutan hak tulen ini.

Tuduhan Tengku Abd. Rahman yang mengatakan Brunei hamba British itu ada-lah terlalu berat untuk di-terima kerana sa-chara tidak langsung telah melibatkan isi dalam Negeri Brunei sendiri. Hal ini ada-lah amat berbahaya kerana ia-nya bertentangan dengan kenyataan bahawa Negeri Brunei dan rayat-nya serta isi di-dalam-nya bukan-lah hamba kepada Kerajaan mana pun..



Gambar ini telah mendapat pingat emas. Gambar yang bertajuk 'Love Father and Child' ada-lah hasil karya Lo Chun Man dari Hong Kong.



Gambar hasil karya Chan Yu Kui dari Hong Kong yang di-berinama 'Transporting the Floats' ini mendapat pingat gangsa.



'Twilight' mendapat pingat gangsa. Gambar ini hasil karya Boon Chuchottavorn dari Bangkok, Thailand.

PAMERAN FOTOGERAFI ASIA TENGGARA YANG KE-DUA

PERSATUAN Fotografi Negeri Brunei berjaya sekali lagi menganjorkan peraduan fotografi bagi Tenggara Asia buat kali kedua-nya.

Peraduan yang pertama di-anjorkan oleh persatuan itu ia-lah dalam tahun 1968 ia-itu bersempena meraikan hari kepuspaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Yang Di-Pertua Persatuan itu, Awang Kamaluddin bin Penyurat Haji Abu Bakar mensifatkan sambutan pada tahun ini ada-lah sangat menggalakkan.

Kata-nya lebih dari 500 keping gambar telah di-terima dari jurugambar2 di-negeri2 Tenggara Asia — Hong Kong, Thailand, Vietnam Selatan, Filipina, Singapura dan Malaysia.

Gambar tersebut telah di-hakimkan awal bulan ini. Jurugambar2 dari Hong Kong telah memenangi hadiah2 utama.

Dari jumlah lebih dari 500 keping gambar yang di-terima itu, sa-banyak 180 keping telah di-pilih termasuk yang mendapat hadiah dan beberapa keping gambar hasil karya jurugambar2 tempatan akan di-pamerkan di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Seri Begawan, selama tiga hari.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri akan merasmikan pameran itu pada hari Ahad 25 Oktober jam 10.00 pagi.

Pameran itu akan di-buka kepada orang ramai pada tiap2 hari mulai jam 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

Gambar hasil karya Nguyen Ngoc Hanh dari Vietnam yang di-berinama 'Regret' mendapat sijil penghargaan.




'The Beach', hasil karya Miss Sheung Wai Chu dari Hong Kong mendapat pingat perak.



Gambar yang di-bernama 'SUN-SET' hasil karya Dr. Francis K.F. Siu dari Hong Kong mendapat pingat perak.

'The Sun Down' mendapat pingat perak bagi peserta dari Brunei. Gambar ini ada-lah hasil karya Tam Wing Ki.

'ANXIETY', karya Yip Cheong Fun dari Singapura, mendapat sijil penghargaan.



Gambar yang di-berinama 'Floating Market' hasil karya P.H. Chen dari Bangkok mendapat pingat perak.



Pengarah Pertanian Awang K.G. Malet telah menyampaikan hadiah kepada pemenang2 Pertunjukkan Pertanian Negeri di-pusat pertanian Kilanas pada minggu lalu.

Pertunjukkan pertanian itu di-anjarkan oleh Jabatan Pertanian, sa-bahagian dari acara kerana menyambut perayaan penukaran nama ibu kota kepada Bandar Seri Begawan pada 3 Oktober lepas.

Gambar atas menunjukkan Awang Malet sedang menyampaikan piala kepada salah sa-orang yang memenangi peraduan tersebut.

Projek Kianggeh berjalan lancar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembenaan projek pengempam ayer Kianggeh, berharga \$1,060,000 sedang berjalan lancar dengan semua kerja pembenaan jambatan konkrit di-Sungai Barangan telah siap, kechuali kerja2 kecil yang sedang di-jalankan di-jambatan itu.

Kerja2 pembenaan jambatan kedua di-jalan keluar ka-stesen pengempam membawa masuk ayer, juga telah siap. Kerja2-nya yang di-mulakan dalam bulan April lalu akan siap dalam masa 12 bulan.

Kerja2 menanam paip juga berjalan lancar sementara sa-buah tambak akan di-bena menyeberangi Sungai Kianggeh.

Kerja2 membena sa-buah stesen pengempam yang berhampiran sedang berjalan dengan baik. Pam itu akan membawa masuk ayer dari Sungai Kianggeh dan di-salurkan melalui paip sebesar 15 inci ka-kolam ayer Tasek.

Projek tersebut akan memberikan tambahan bekalan ayer hingga 2,000,000 gallon sa-hari.

Pepereksaan Bahasa Inggeris

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pepereksaan bahasa Inggeris bagi pelajar2 kelas dewasa akan di-adakan pada 7, 8 dan 9 Disember tahun ini.

Ia-nya terbahagi kepada lima bahagian iaitu Form Satu, Form Dua, tingkatan rendah dua, tingkatan rendah empat dan tingkatan rendah enam.

Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Umar bin Muhammad berkata, pepereksaan itu hanya untuk pelajar2 dewasa yang menghadhiri kelas2 pelajaran dewasa anjoran Jabatan Pelajaran.

57 buah jentera pembajak di-sewakan kpd peladang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian menyewakan 57 daripada 66 buah jentera2 pembajak-nya kepada penanam2 padi di-negeri ini yang sekarang menanam padi bagi musim 1970/71.

Pengarah Pertanian, Awang K.G. Malet ketika menyatakan perkara ini berkata, 29 buah dari jentera2 pembajak itu sedang di-sewakan kepada peladang2 di-Daerah Brunei Muara, 11 buah di-Tutong, 11 buah di-Belaik dan 6 buah di-Daerah Temburong.

Awang Malet berkata selain dari itu, jabatan pertanian juga telah menyewa sa-buah traktor besar dan sa-buah traktor kecil di-Kampung Kapok dan Kampung Mulaut.

Sembilan buah dari jentera2 pembaja itu di-gunakan di-pusat2 pertanian jabatan itu.

Jentera2 pembajak itu ada-lah dalam tiga jenis yang berlainan — Kubota, Iseki dan Satoh.

Jabatan itu mulai mengadakan jentera2 pembajak itu kira2 dalam tahun 1967.

Kata-nya sa-seorang chalun yang hendak memasuki pepereksaan itu mesti-lah telah menghadhiri sekurang2-nya 70 peratus dari jumlah hari persekolahan dan mereka juga hendak-lah mendapat sukongan dari guru masing2.

Chalun2 yang ingin memasuki pepereksaan itu hendak-lah mengisikan borang2 yang di-tentukan dan ia-nya hendak-lah di-kembalikan ka-Bahagian Pelajaran Dewasa Jabatan Pelajaran Bandar Seri Begawan tidak lewat dari 24 Oktober.

Wakil2 raayat sa-pendapat Limbang ada-lah hak Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua usol telah di-luluskan dalam sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara yang berlangsung di-bilik Jawatankuasa Dewan Majlis Bandar Seri Begawan baru2 ini.

Salah satu usol itu di-kemukakan oleh Pg. Mohd. Samli bin Pg. Lahab ahli bagi kawasan Pekan Lama yang menyebarkan rasa keshukoran dan mengalu2kan sabda ucapan D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan di-majlis pembukaan rasmi pameran buku2 dan seni lukis pada 29 September lalu yang menegaskan Limbang ada-lah hak Brunei.

“Kami ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara bagi mewakili Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara menyokong sabda tersebut dan sentiasa berdiri di-belakang Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan” tegas beliau.

Ketika mengemukakan usol itu beliau menjelaskan bahawa seluruh rayat Brunei merasa gembira atas sabda ucapan yang di-pancharkan melalui Radio Brunei ketika itu dan ada-lah lojik tuntutan2 itu di-buat berdasarkan dari segi ugama dan hukum2 ugama Islam Limbang ada-lah hak Brunei yang sah.

Kata-nya mengikut siaran2 akhbar tuntutan Brunei ka-tas Limbang telah di-buat sudah sekian lama dan perkara itu telah di-kemukakan kepada Kerajaan Malaysia menerusi Perdana Menteri Tunku Abd. Rahman yang kemudian menjawab-nya bahawa perkara itu akan di-sembahkan kepada Yang Di-Pertuan Agong Malaysia pada masa itu.

Bagaimana pun Pg. Mohd. Samli berasa sangsi kenapa Kerajaan Malaysia tidak memberikan ketegasan yang wajar mengenai tuntutan yang di-buat sudah bertahun2 itu dan senghaja di-lambat2kan.

Beliau menambah bahawa Perdana Menteri Malaysia yang baru Tun Abd. Razak memberi tahu sidang akhbar yang tuntutan Brunei ka-tas Limbang itu terserah antara Kerajaan Brunei dengan Kerajaan British.

“Ketegasan serupa ini terlalu mengelirukan dan tidak menyenangkan sama sekali” ujar beliau.

Pengiran Mohd. Samli menekankan lagi, kalau-lah Kerajaan Malaysia jujur dalam perkara itu ia-nya akan dapat di-selesaikan oleh Kerajaan Malaysia sendiri sebab Limbang bukan di-bawah tadbir Kerajaan British sekarang.

Beliau juga mengharapkan supaya Kerajaan Malaysia menghormati tuntutan2 itu berdasarkan saloran2 yang sehat, sekali lagi beliau menegaskan bahawa Limbang ada-lah hak Brunei yang harus di-tuntut.

Awang Haji Ya'akub bin Awg. Zainal ahli bagi kawasan Sumbiling yang menyokong usol itu menerangkan, mengikut cerita2 yang pernah di-dengar-nya mengenai kesah2 Limbang, Kata-nya sa-orang kaum Bisaya bernama Datu Kelasi salah sa-orang Menteri Brunei telah di-perentahkan pergi ka-Limbang untuk mengawasi keadaan2 di-sana sa-belum ketibaan Rajah Brook ka-Brunei.

Apabila datang Rajah Brook ka-Brunei yang segera mengetahui keadaan2 di-Brunei terutama di-sekitar Sarawak termasuk Limbang, maka Rajah Brook telah membuat fitnah dengan membuat asutan antara satu

kaum dengan kaum yang lain yang kemudian-nya terjadi pergadahan dan perkelahian yang menumpahkan darah.

Di-Limbang Datu Kelasi juga tidak terlepas dari asutan dan fitnah Rajah Brook yang pada satu ketika Datu Kelasi hendak ka-Brunei menghadap Sultan memberi tahu akan keadaan2 di-Limbang seperti apa yang di-perentahkan terutama memberi tahu tentang pergadahan dan permusuhan antara kaum.

Menyedari hakikat Datu Kelasi itu, maka Rajah Brook dengan tidak berlingah2 lagi terus pergi ka-Brunei mendahului Datu Kelasi dan tanpa pengetahuan Datu Kelasi, maka Rajah Brook telah memberi tahu orang2 Brunei bahawa Datu Kelasi sekejap lagi akan datang ka-Brunei untuk mengamok.

Dan akhir-nya Datu Kelasi menjadi mangsa. Rajah Brook sanggup mengamok Limbang dari kachau bilau pergadahan. Dan memandang kepada kesanggupan Rajah Brook itu akhir-nya beliau telah di-suruh mentadbir Limbang.

Awang Arshad bin Marsal ahli bagi kawasan Berakas yang juga turut menyokong usol itu memberi tahu bahawa boleh di-katakan 80% orang2 di-Limbang ada berkeluarga di-Brunei. Ini kata-nya, bukan saja di-Limbang bahkan di-Sarawak pun ada juga mereka berkeluarga di-Brunei.

Sarawak pada satu ketika di-perentahkan oleh Sultan Brunei ia-itu Sultan Muda Hashim. Ketibaan Rajah Brook ka-Brunei pada masa itu sama juga hal-nya seperti di-cheritakan oleh Awang H. Ya'akub tadi.

Akhir-nya Rajah Brook di-suruh mentadbir Sarawak bagi tujuan2 keamanan tetapi bukan-lah berm'ana menyerahkan Sarawak kepada Rajah Brook.

Beliau menerangkan ada-lah perkara mustahil sa-buah negeri diserahkan bulat2 kepada orang asing lagi pun baru mendatang.

Beberapa orang ahli2 M.M.D. Brunei/Muara telah bangun memberi pendapat masing2 yang semua-nya menyokong penoh dan berdiri tegoh di-belakang Kerajaan D.Y.M.M. supaya Brunei akan terus menerus menuntut Limbang kerana Limbang ada-lah hak Brunei yang sah di-tuntut di-segi ugama dan hukum2 ugama Islam.

Dua di-kurniakan pingat kepujian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang anggota askar dari pasukan 2/2 King Edward's Own Gurkha Rifle yang di-tempatkan di-Seria telah menerima pingat kepujian dari Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen atas keberanian mereka.

Mereka ia-lah L/Cpl. Rudra Bahadur Gurung dan Harka Bahadur Gurung.

Pingat itu di-kurniakan sa-bagai menghormati jasa mereka dalam menyelamatkan sa-orang askar dari mati lemas di-Sungai dalam awal tahun ini.

Jawatan-Jawatan Kosong

DI-JABATAN PERIKANAN

Sa-bagai Tradesman

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perikanan, Brunei.

(a) PENJAGA AKUARIAM (10 jawatan)

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II dan mempunyai pengalaman memelihara ikan dalam tangki.

Tugas2:

Membuat segala pekerjaan yang berkaitan dengan pemeliharaan ikan dan tangki ikan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 — \$200 x 10-270/EB/280 x 10-330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PENYAMBUK/PENJAGA TALIPON (2 jawatan)

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah terdiri dari kaum wanita berumur di-antara 17 dan 25 tahun. Mereka mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II dan boleh bertutor dalam bahasa Inggeris.

Tugas2:

Tugas2 di-meja penyambut Akuarium Hassanal Bolkiah termasuk-lah menjual tiket2 dan risalah2, memberi malumat2 dan menjaga talipon. Chalun2 mesti-lah bersedia untuk bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB 3 — \$200 x 10-270/EB/280 x 10-330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(c) ATENDAN DEWAN (4 jawatan)

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah berumur di-an-

tara 25 dan 40 tahun, mempunyai sekurang2-nya Sijil Pelajaran Sekolah Rendah dan sa-banyak sedikit pengetahuan bahasa Inggeris.

Tugas2:

Membersehhkan dewan2 orang ramai di-Akuarium Hassanal Bolkiah dan mengawas orang ramai. Chalun2 mesti-lah bersedia untuk bekerja di-luar masa kerja yang biasa bagi pegawai2 Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.1-2-3 EB 4-5 — \$160x5-220/EB/225x5-270. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei. Hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 2 November, 1970.

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohi jawatan sa-bagai Tradesman Tingkatan I Kumpulan I di-Jabatan Ukur, Brunei.

Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 3 tahun pengalaman sabagai tukang kayu dan boleh membach lukisan2.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya akan di-kehendaki membuat dan membaiki perabot2, membaiki perahu dan membuat bairup ukor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F3 EB 4 — \$200x5x220/EB/225x5-240.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 3 November, 1970.

Perlawanan akhir bola sepak Piala Borneo

BANDAR SERI BEGAWAN.—Perlawanan akhir bola sepak antara Sarawak dan Sabah akan di-adakan di-padang besar, Bandar Seri Begawan pada hari Rabu 28 Oktober.

Perlawanan akhir di-antara kedua2 pasukan itu di-jadualkan berlangsung di-Kota Kinabalu pada minggu lepas, tetapi telah di-tanggohkan oleh kerana hujan turun dengan lebat-nya.

Perlawanan antara tiga wilayah Borneo, Sabah, Sarawak dan Brunei bagi merebut Piala Borneo itu telah berlangsung pada 9 Oktober di-Kota Kinabalu.

Dalam perlawanan pertama Brunei telah di-kalahkan oleh Sarawak dengan dua gol berbalas satu dan Sabah telah mengalahkan Brunei dengan enam gol berbalas satu.

Tiket2 yang berharga \$2.00 bagi orang dewasa dan 50 sen bagi kanak2 sekolah rendah akan di-jual di-pintu masuk sa-belum perlawanan antara Sarawak dan Sabah.

Pada 29 Oktober, Brunei akan mengadakan perlawanan sa-chara persahabatan dengan Sarawak dan 30 Oktober dengan pasukan Sabah.

Penyelenggara Setor Tingkat III

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang menjadi raayat atau yang berhak di-daftarkan bagi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan untuk memohi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini daripada orang2 yang mempunyai kelayakan2 dan pengalaman.

Penyelenggara Setor Tingkat III (2 kekosongan)

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 untuk lantikan ini mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II Inggeris atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2 EB3 — \$200 x 10 — /EB/280 x 10 — 330. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 4 November 1970.

Sa-bagai Penyelia Pusat Belia

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memohi jawatan Penyelia Pusat Belia di-Jabatan Kebajikan Masyarakat, Brunei.

Kelayakan2:

a) Mesti-lah lulus Form IV Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran sebaik2-nya dengan pertubuhan belia dan masyarakat. Chalun2 hendak-lah mempunyai kebolehan dalam mentadbir ranchangan2 sa-tiap hari di-pusat tersebut serta merancang kursus2, kongress2 dan lain2 kegiatan2 pusat belia itu.

c) Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 25 hingga 40 tahun.

d) Pemohon2 yang tidak mempunyai kelayakan2 di-atas tidak akan di-pertimbangkan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C.3 EB4 — \$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30 — 1200. Gaji Permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit

mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 5 November, 1970.

Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk di-lantik sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas II. Pemohon2 bagi jawatan tersebut mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun perkhidmatan sa-bagai Kerani Bahagian 'B' Tingkatan Khas I.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan Laporan2 Sulit tentang tugas2 si-pemohon dan tentang kelayakan2 mereka untuk di-naikkan pangkat.

Pemohonan2 mesti-lah sampai kepada Pegawai Perjawatan tidak lewat daripada 26hb. Oktober, 1970, dan pemohonan2 yang tiba lewat daripada tarikh tersebut tidak akan di-pertimbangkan.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





Pembantu rumah sakit berkursus di-London

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sa-orang kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Awang Johari bin Abdul Rahman, telah berlepas ka-England, untuk menjalani kursus sa-bagai jurulatih kelinik dalam rawatan, selama sa-tahun, di-London Royal College.

Awang Johari, sa-orang pembantu rumah sakit, di-Rumah Sakit Besar Brunei, telah berkhidmat dengan jabatan itu, selama 10 tahun.

Beliau telah lulus peperiksaan Sijil Persekolahan, dengan menghadiri kelas2 malam.

Awang Johari telah di-latih terlebih awal, bagi kursus itu, oleh Ketua Jururawat Pengajar, jabatan itu.

Dalam satu temu ramah dengan Radio Brunei, Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Pehin Orang Kaya Laila Tabib Di-Raja, Dato Setia Dr. P.I. Franks, mensifatkan-nya, sa-bagai sa-orang yang bekerja keras, dan berazam, yang meneruskan pelajaran-nya, dengan menghadiri kelas2 malam..

Pehin Dato Franks berharap Awang Johari akan lulus dalam kursus itu dengan yang demikian beliau akan meng-untungkan jabatan itu, dan Negeri Brunei.

Beliau juga memuji Pengiran Ali bin Pengiran Haji Othman, sa-orang lagi kakitangan jabatan itu yang sekarang berada di-London, meng-hadhiri kursus diploma dalam pentadbiran.

Pehin Dato Franks berkata, Pengiran Ali menolong Awang Johari mencari tempat tinggal di-Rumah Pelajar2 Antara Bangsa, di-London.

Gambar atas menunjukkan sabahagian dari penuntut2 Sekolah Menengah Melayu SMJA ketika menjalani peperiksaan Sijil Pelajaran Rendah baru2 ini.

Peperiksaan yang telah di-mula-kan pada 12 Oktober itu telah berakhir 19 Oktober.

Sa-ramai 3,778 orang penuntut dari seluruh negeri telah meng-ambil peperiksaan tersebut. Dari jumlah itu, sa-ramai 2,111 orang mengambil peperiksaan dalam aliran Melayu.

Dalam tahun lalu sa-ramai 2,645 orang penuntut telah meng-ambil peperiksaan yang sama.

Majlis forum anjaran MBB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Seksi Ugama, Majlis Belia2 Negeri Brunei akan meng-anjarkan satu majlis forum pada malam esok, 22 Oktober bertempat di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan mulai jam 8.00 malam.

Tajuk yang akan di-bincangkan dalam majlis itu ia-lah "Tulisan jawi dengan perkembangan di-Brunei".

Tiga orang peserta akan meng-ambil bahagian dalam majlis tersebut. Mereka ia-lah Pegarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama Dr. Awang Haji Mohammad Jamil Al-Sufri, Awang Yahya bin Haji Ibrahim dan Awang Haji Abdul Aziz bin Junid.

Awang Abdul Hamid bin Bakal, dari Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mempengerusikan majlis forum itu.

Yang Di-Pertua M.B.B., Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Seruddin akan merasmikan forum tersebut.

Brunei bukan hamba mana2 kerajaan pun

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dalam ulasan Baginda yang pertama mengenai kenyataan yang di-buat oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Rahman melalui akhbar2 baru2 ini telah mensifatkan-nya sa-bagai berputar-belit, di-sam-ping menunjukkan ketuhoran pengetahuan tentang sejarah dan hak Negeri Brunei ka-atas Limbang dari segi hukum2 ugama.

Ulasan Baginda yang pertama itu yang di-junjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Di-Raja Dalam Istana, Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid, di-siarkan sa-penoh-nya seperti berikut:

"Pada menjunjung sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan mengenai dengan kenyataan Tengku Abdul Rahman bekas Perdana Menteri Malaysia di-Kota Kinabalu, Sabah, yang di-siarkan oleh akhbar2 luar negeri pada 13hb Oktober, 1970 berkenaan dengan tuntutan Brunei ka-atas Limbang, menurut Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Brunei adalah berhak ka-atas Limbang, dan Limbang ada-lah hak Brunei.

Negeri Brunei menikmati Kerajaan Sendiri dalam keadaan baik laila bahagia mewah sejatrah dan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala kemakmoran Negeri Brunei bertambah dari masa ka-satu masa. Keadaan Negeri Brunei yang sedemikian ada lebeh baik daripada keadaan di-Malaysia yang sungguh pun di-katakan merdeka itu tetapi selalu mengalami kachau bilau, dan membanyakkan tipu muslihat sa-bagai merdeka kam-bing.

Kenyataan yang di-buat oleh Tengku Abdul Rahman itu merupakan perchakapan kata2 berputar belit dan membanyakkan daayah helah dari segi istilah merdeka, kenyataan-nya itu juga menunjukkan ketuhoran pengetahuan-nya tentang sejarah dan hak Negeri Brunei ka-atas Limbang dari segi Ugama dan Hukum2 Ugama. Jika Malaysia menik-

mati kemerdekaan yang sehat, mengakui Ugama Islam Ugama yang sejati dan keadaan-nya mewah, tidak kachau bilau dan tidak berhutang, maka itu ada-lah baik, tetapi walau bagaimana pun soal Limbang ada-lah hak Negeri Brunei dan Brunei berhak ka-atas Limbang.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan menegaskan bahawa Negeri Brunei yang Berkerajaan Sendiri ada-lah mempunyai Perlembagaan-nya yang tersendiri, yang mana hanya boleh di-pinda dalam Negeri Brunei dan tidak boleh di-ubah oleh mana2 Kerajaan lain, jelas-lah Negeri Brunei dan raayat-nya serta isi di-dalam-nya bukan-lah hamba kepada Kerajaan mana jua pun. Seluruh manusia dan isi negeri2 di-dalam dunia ada-lah hamba Allah Subhanahu Wata'ala.

Sa-balek-nya Negeri2 yang menyertai Malaysia ada-lah menjadi hamba Kerajaan Pusat Malaysia, kerana Perlembagaan Negeri2 itu boleh di-ubah2 oleh Kerajaan Pusat Malaysia tanpa persetujuan Negeri2 atau Negeri yang berkenaan sa-bagaimana yang terjadi kepada Sarawak. Maka jangan-lah pula mereka melanjutkan rampasan ka-atas Limbang hak Brunei untuk di-jadikan hamba kepada Kerajaan Pusat Malaysia.

Melanjutkan rampasan ka-atas Limbang yang memang hak Brunei itu ada-lah kesan helah politik. Dan mendiamkan rampasan Limbang hak Brunei itu untuk memasok-nya kebawah penjajahan Kerajaan Pusat Malaysia ada-lah langkah dan chara dusta, tidak betul dan menyalahi Ugama."

Brunei bukan tanah jajahan British

(Dari Muka 1)

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan suka mengingatkan Tengku Abdul Rahman bekas Perdana Menteri Malaysia supaya mengetahui keadaan negeri-nya Kedah yang menurut Legal Status bagi Persekutuan Tanah Melayu bahawa negeri-nya Kedah ada-lah menjadi tanah Jajahan Siam dan Kerajaan Siam telah menyerahkan Kedah kepada

British yang mana negeri Kedah ada-lah tanah Jajahan Siam yang dengan sendiri-nya menjadi tanah Jajahan British. Kerajaan British telah meninggikan taraf negeri-nya kepada negeri naongan.

Bukti-nya mengenai tuntutan Brunei ka-atas Limbang yang berasaskan ugama ada-lah seperti yang ternyata di-dalam jawapan surat Tengku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri Pusat Malaysia yang bertarikh 22hb.,

April, 1965 kepada Sultan Brunei yang menyebutkan bahawa soal mengenai tuntutan Brunei ka-atas Limbang itu, Tengku Abdul Rahman akan menghadapkan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Agong.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan bersedia untuk mempamerkan surat jawapan tersebut bila2 masa di-bkirkan mustahak untuk membuktikan-nya."